# LAPORAN TAHUNAN

## Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

# 2015

# LAPORAN TAHUNAN

## Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

# 2015





SPP

# Kandungan


| | |
|---|---|
| Perutusan Pengerusi | 5 |
| Ringkasan Eksekutif | 9 |
| Latar Belakang | 13 |
| Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran | 17 |
| Urus Setia Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran | 23 |
| Bahagian-Bahagian Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran | 29 |
| Urusan Pelantikan | 35 |
| Urusan Perkhidmatan | 43 |
| Urusan Kenaikan Pangkat & Kawalan Tatatertib | 49 |
| Pengurusan Maklumat | 55 |
| Prestasi Kewangan | 59 |
| Persidangan Perkhidmatan Pendidikan Tahun 2015 | 61 |
| Transformasi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran | 65 |
| Galeri | 67 |
| Liputan Media | 79 |
| Penghargaan | 85 |
| Glosari | 89 |
| Lagu Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran | 91 |

# PERUTUSAN PENGERUSI

**Bismillahirrahmanirrahim**

**Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh dan Salam Sejahtera**

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana atas keizinan dan rahmatNya, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) telah berjaya menerbitkan Laporan Tahunan bagi tahun 2015 seperti mana tahun-tahun yang sebelumnya. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua warga SPP yang telah menyumbang tenaga dan idea sehingga menghasilkan sebuah wadah yang dapat dimanfaatkan oleh orang ramai umumnya dan warga SPP khususnya. Penerbitan naskhah tahunan ini merupakan medium bagi memaklumkan mengenai pencapaian SPP sebagai Pihak Berkuasa Melantik dan Pihak Berkuasa Tatatertib dalam perkhidmatan pendidikan dan aktiviti-aktiviti berkaitan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun.

Tahun 2015 merupakan tahun yang memerlukan satu perubahan bagi SPP dalam konteks tata cara pemilihan calon guru untuk dilantik ke jawatan tetap bagi berkhidmat di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Langkah ini perlu dibuat memandangkan bilangan graduan yang dikeluarkan oleh universiti awam dan Institut Pendidikan Guru Malaysia telah melebihi bilangan jawatan kosong Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang ditawarkan pada masa ini. Sehubungan dengan itu, SPP perlu memastikan hanya calon yang terbaik sahaja dipilih. Oleh kerana itu, SPP telah menambah baik sistem temu duga mengikut keperluan KPM.

SPP juga telah menganjurkan Persidangan Perkhidmatan Pendidikan pada 13 hingga 15 Mei 2015 di Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak, Miri, Sarawak. Persidangan ini diadakan sebagai platform kepada warga pendidik untuk sama-sama memberi input kepada SPP bagi memastikan hanya guru berkualiti sahaja yang akan dilantik di sekolah-sekolah Kerajaan dan bantuan Kerajaan Malaysia. Pengambilan bakat terbaik akan menghasilkan sistem pendidikan yang mantap dan berkualiti selaras dengan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.



Suka saya menarik perhatian kepada ucapan YAB Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Mantan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan Malaysia semasa Majlis Perasmian Persidangan ini yang menyatakan akan peri pentingnya SPP menerajui transformasi di dalam sektor pendidikan untuk mendepani cabaran masa kini. Beliau turut menekankan supaya aspek pemilihan calon perlu diperkasakan terutamanya dalam aspek penilaian sahsiah diri dengan mewajibkan ujian psikometrik dilaksanakan kepada semua graduan perguruan sebagai salah satu tapisan kepada proses pelantikan.

Persidangan yang bertemakan 'Anjakan Paradigma Ke Arah Profesion Keguruan Yang Dinamik' ini telah menggariskan lima resolusi yang telah dipersetujui oleh 330 orang peserta Persidangan. Lima resolusi itu ialah pengambilan guru dilaksanakan secara pasaran terbuka agar lebih ramai bakat terbaik terpilih memasuki perkhidmatan pendidikan; mengetatkan syarat dalam urusan pengambilan guru; mempertingkat syarat kemasukan calon ijazah Sarjana Muda Perguruan di universiti awam; menggiatkan usaha untuk membolehkan lebih ramai anak Sabah dan Sarawak dilantik menjadi tenaga pengajar di Politeknik dan Kolej Komuniti di Sabah dan Sarawak; dan mempercepat tindakan berkaitan urusan tatatertib dan perkhidmatan melalui perbincangan serta perjumpaan yang lebih kerap antara SPP dan pihak KPM.

SPP juga telah mula mengorak langkah ke arah memanfaatkan teknologi maklumat dalam usaha mentransformasikan kebolehan dan keupayaan penyampaian SPP. Melalui sistem ini, ia akan memudahkan orang ramai untuk menyemak status permohonan, panggilan temu duga, keputusan temu duga dan urusan perkhidmatan lain melalui portal SPP. Seiringan dengan itu, sistem aplikasi dalaman e-SPP juga turut dibangunkan bagi melancarkan lagi urusan pengambilan dan perkhidmatan.

Terkini, SPP sedang membangunkan satu sistem aplikasi untuk membolehkan Pusat Tanggungjawab, Jabatan Pendidikan Negeri memperaku secara dalam talian semua urusan berkaitan urusan perkhidmatan, seperti Pengesahan Pelantikan, Pengesahan dalam Perkhidmatan dan Pemberian Taraf Berpencen. Sistem ini dijadualkan bermula operasi pada pertengahan tahun 2016. Pelaksanaan sistem tersebut akan dapat mempercepat tempoh kelulusan sesuatu perakuan di samping mengurangkan kos perbelanjaan, terutama dalam konteks penjimatan penggunaan kertas, kos percetakan dan penghantaran surat-menyurat.

Sepanjang 41 tahun penubuhan SPP sebagai Pihak Berkuasa Melantik dalam perkhidmatan pendidikan, pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi menambah baik sistem penyampaian SPP. Di antaranya ialah pelaksanaan kaedah pendekatan temu duga secara *on-site* sebagai tambahan kepada kaedah temu duga sedia ada. Ini termasuk penglibatan Anggota SPP dalam lawatan naziran yang dibuat ke atas beberapa buah sekolah, Politeknik dan Kolej Komuniti di seluruh negara.

Sepanjang tahun 2015 sebanyak 262,658 permohonan telah diterima oleh SPP untuk jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan, Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi dan Anggota Kumpulan Pelaksana. Daripada jumlah tersebut seramai 7,129 calon telah ditemu duga dan 13,813 pegawai ditawarkan pelantikan.

Akhir kalam, ingin saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada jentera pentadbiran dan warga SPP seluruhnya atas usaha dan komitmen yang padu dalam melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan sepanjang tahun 2015. Saya yakin dan percaya bahawa dengan adanya persefahaman dan kerjasama yang utuh di kalangan warga SPP ia akan meningkatkan lagi produktiviti dan kecemerlangan SPP pada masa hadapan.

Terima kasih.

**TAN SRI DR. HAILI BIN DOLHAN**


Blok 3

# RINGKASAN EKSEKUTIF

Laporan Tahunan ini disediakan berdasarkan Fasal 1 Perkara 146 Perlembagaan Persekutuan yang menghendaki SPP menyediakan satu laporan tahunan mengenai kegiatannya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan salinannya dibentangkan di kedua-dua Dewan Parlimen.

SPP telah ditubuhkan pada 1 Januari 1974 di bawah Fasal 1 Perkara 141A Perlembagaan Persekutuan. Penubuhannya adalah hasil daripada syor yang dikemukakan oleh Suruhanjaya di-Raja Aziz untuk bertindak sebagai Pihak Berkuasa Melantik (PBM) bagi Anggota Perkhidmatan Pendidikan (APP).

SPP menjalankan fungsinya mengikut Fasal 1 Perkara 144 Perlembagaan Persekutuan yang menguruskan urusan pelantikan, pengesahan dalam perkhidmatan, kemasukan ke dalam perjawatan tetap atau berpencen, kenaikan pangkat dan kawalan tatatertib ke atas APP.

Sepanjang tahun 2015, SPP telah mengendalikan urusan pelantikan, urusan perkhidmatan, urusan kenaikan pangkat dan kawalan tatatertib seperti berikut:

| PERKARA | JUMLAH |
|---|---|
| **Urusan Pelantikan** | |
| Permohonan | 262,658 |
| Temu Duga | 7,129 |
| Tawaran Pelantikan | 13,813 |
| Pelantikan Secara Kontrak | 764 |
| Pertukaran Sementara | 240 |
| Peminjaman Pegawai | 69 |
| **Urusan Perkhidmatan** | |
| Pengesahan Pelantikan | 14,199 |
| Pengesahan Dalam Perkhidmatan (PDP) | 23,858 |
| Pelanjutan Tempoh Percubaan (PTP) | 220 |
| Pemberian Taraf Berpencen (PTB) | 13,486 |
| Menerima Opsyen KWSP | 305 |
| Penamatan Perkhidmatan | 12 |
| Urusan Kenaikan Pangkat Dan Kawalan Tatatertib | |
| Rayuan Naik Pangkat | 73 |
| Kes Tatatertib | 86 |
| Hukuman Tatatertib | 79 |
| Rayuan Tatatertib | 165 |

Bagi urusan mesyuarat, Mesyuarat Suruhanjaya telah diadakan sebanyak 24 kali, Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib sebanyak 24 kali dan Mesyuarat Lembaga Rayuan Naik Pangkat sebanyak 5 kali sepanjang tahun 2015.

Bilangan kertas yang telah dibentangkan di dalam mesyuarat-mesyuarat di atas adalah seperti berikut:

| PERKARA | JUMLAH |
|---|---|
| **Mesyuarat Suruhanjaya** | |
| Kertas Pengambilan | 92 |
| Kertas Perkhidmatan | 61 |
| Kertas Tatatertib | 116 |
| Kertas Dasar | 1 |
| **Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib** | |
| Kertas Rayuan Tatatertib | 162 |
| **Mesyuarat Lembaga Rayuan Naik Pangkat** | |
| Kertas Rayuan Naik Pangkat | 7 |


KAUNTER
PENDAFTARAN
SPP
SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN PELAJARAN
MALAYSIA

# LATAR BELAKANG



## PENUBUHAN DAN KEANGGOTAAN

SPP ditubuhkan mengikut Perkara 141A (1) Perlembagaan Persekutuan berkuat kuasa mulai 1 Januari 1974. Keanggotaan SPP terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan sebelas orang Anggota.

## FUNGSI SPP

SPP bertindak sebagai PBM dalam perkhidmatan pendidikan dengan menjalankan tugasnya mengikut Fasal 1 Perkara 144 Perlembagaan Persekutuan, iaitu:

(i) melantik;

(ii) mengesahkan;

(iii) memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpencen;

(iv) menaikkan pangkat;

(v) meluluskan pertukaran pelantikan atau pertukaran perkhidmatan; dan

(vi) menjalankan kawalan tatatertib.



## PENURUNAN KUASA
## FASAL 5B PERKARA 144 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Semua kuasa dan tugas SPP kecuali kuasa pelantikan pertama bagi perjawatan tetap atau berpencen boleh dijalankan oleh Lembaga yang dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Dengan perbekalan ini, Lembaga-Lembaga Kenaikan Pangkat dan Lembaga-Lembaga Tatatertib telah ditubuhkan bagi menjalankan tugas-tugas menaikkan pangkat dan mengawal tatatertib yang tertentu. Dengan penubuhan Lembaga-lembaga yang tersebut, maka SPP tidak menjalankan tugas-tugas bagi menaikkan pangkat kecuali untuk kenaikan pangkat Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia dan beberapa tugas mengawal tatatertib yang tertentu.

## KAEDAH-KAEDAH SURUHANJAYA
## FASAL 8 PERKARA 144 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

SPP boleh membuat kaedah-kaedah bagi mengatur acaranya dan menetapkan bilangan anggotanya untuk menjadikan kuorum. Kaedah-Kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (Pindaan) 2009 dikuatkuasakan melalui P.U.(A) 321 bertarikh 3 September 2009.

## LAPORAN TAHUNAN DI BAWAH FASAL 1 PERKARA 146

SPP hendaklah menyediakan suatu laporan tahunan mengenai kegiatannya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan laporan dibentangkan dalam kedua-dua Dewan Parlimen.




SPP berikrar akan menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan cekap, adil dan saksama. SPP komited untuk mencapai Piagam Pelanggan seperti berikut:

**Urusan Pengambilan**

Semua urusan pengambilan akan diselesaikan tidak lewat dua belas (12) minggu dari tarikh permohonan lengkap diterima dari KPM tertakluk kepada perkara berikut:

(i) Jadual temu duga yang diluluskan oleh SPP;
(ii) Keputusan muktamad kekosongan jawatan oleh KPM dan KPT;
(iii) Permohonan yang lengkap daripada calon mengikut bidang yang dipohon; dan
(iv) Tidak tertakluk kepada calon pengambilan khas seperti SABK, SLTP dan penggabungan sesuatu skim perkhidmatan.

**Urusan Perkhidmatan**

Keputusan urusan perkhidmatan akan dimaklumkan kepada pegawai tidak lewat daripada empat (4) minggu dari tarikh perakuan lengkap diterima.

**Urusan Tatatertib**

Keputusan tindakan dan rayuan tatatertib akan dimaklumkan kepada pegawai melalui Ketua Jabatan tidak lewat daripada satu minggu dari tarikh Pengerusi SPP menandatangani surat keputusan.

**Urusan Khidmat Pengurusan**

(i) Makluman akuan penerimaan aduan dilaksanakan dalam tempoh satu hari bekerja;
(ii) Maklum balas aduan akan diberikan dalam tempoh lima hari bekerja; dan
(iii) Pembayaran bil diselesaikan tidak lewat 14 hari dari tarikh permohonan lengkap diterima.

# ANGGOTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN





**YBHG. TAN SRI DR. HAILI BIN DOLHAN**
Pengerusi
P.S.M, P.M.W., P.P.B (Perak), P.P.S., A.M.N.



**YBHG. DATO' SERI DR. ABDUL RAHMAN BIN HASHIM**
Timbalan Pengerusi
D.P.M.S., S.M.S, A.M.N.



**PUAN RAHIMAH BINTI MOHD SURA**
**P.J.K., P.P.T.**



**YBHG. DATO' DR. SOH CHEE SENG**
**D.P.M.S., J.S.M.**



**TUAN HAJI ABDUL ADZIS BIN ABAS**
**A.A.P., S.S.P.**



**YBHG. DATO' ABDUL HALIM BIN ABDUL RAZAK**
D.B.N.S.

**YBHG. DATO' HAJI IMRAN BIN IDRIS**
D.S.D.K., B.C.K., A.M.N.

**YBHG. DATO' HAJI AZMI BIN CHE MAT**
A.S.K., A.M.N., D.P.S.K.



**ENCIK MORAZUKI BIN HASHIM**
A.M.N., A.M.K., B.C.K.

**TUAN HAJI OSMAN BIN HAJI ABD. AZIZ**
A.M.N.

**ENCIK AWANGKU ALI BIN PG. JUMAAT**
A.M.N., B.S.K.

**TUAN HAJI JAMALUDIN BIN YAHYA**
J.S.M., K.M.N., A.M.N.

# URUS SETIA
# SURUHANJAYA
# PERKHIDMATAN PELAJARAN

# CARTA ORGANISASI
# SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN





SETIAUSAHA
YBHG. DATO' ABU BAKAR BIN OTHMAN
S.M.P., A.A.P., B.C.M., A.M.N., A.M.S., D.I.M.P





TIMBALAN SETIAUSAHA
Sektor Pengambilan dan Perkhidmatan
ENCIK CHIN WENG PENG
S.I.S., A.M.N.



TIMBALAN SETIAUSAHA
Sektor Pengurusan
ENCIK MOHD TAUPIK BIN YUSOF
K.M.N, A.M.N.



**PUAN YASRINA BINTI YASIM**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengambilan Guru

# URUS SETIA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN



**ENCIK HAZLAN BIN HASHIM**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib



**ENCIK MOHAMAD FAHMI BIN MOHD LATIB**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengambilan Bukan Guru



**PUAN ROSMASHILAH BINTI OMAR**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Perkhidmatan

# URUS SETIA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN



**PUAN ZULIANA BINTI MOHD AKOB**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Dasar dan Perancangan



**PUAN MAHERAN BINTI ABDUL RAHMAN**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Maklumat



**CIK ZARITA BINTI DATO' ZAINOL ABIDIN**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Khidmat Pengurusan

# URUS SETIA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN



**PUAN INTANUR SURIA BINTI WAHABI**
Setiausaha Bahagian
Urus Setia Cawangan Sarawak



**PUAN INTAN ZAINAB BINTI MOHD BUSTAN**
Setiausaha Bahagian
Urus Setia Cawangan Sabah

# BAHAGIAN-BAHAGIAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN



Pejabat Setiausaha



Bahagian Pengambilan Guru



Bahagian Pengambilan Bukan Guru



Bahagian Perkhidmatan



Bahagian Khidmat Pengurusan




Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib



Bahagian Dasar dan Perancangan



Unit Keurusetiaan



Bahagian Pengurusan Maklumat



Urus Setia Cawangan Sabah



Urus Setia Cawangan Sarawak

SPP merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada pegawai-pegawai berikut atas sumbangan mereka sepanjang bertugas di SPP:

1. **CIK SH. SITTI SALEHA BINTI HABIB YUSOFF**
   Setiausaha Bahagian
   Urus Setia Cawangan Sabah
   Sehingga 1 Julai 2015

2. **ENCIK MOHD SAFRIE BIN ZAKARIA**
   Setiausaha Bahagian
   Bahagian Perkhidmatan
   Sehingga 24 Ogos 2015

3. **PUAN ASFAH BINTI ASMARA**
   Setiausaha Bahagian
   Urus Setia Cawangan Sarawak
   Sehingga 7 September 2015

4. **PUAN LURAASHY BINTI HASSIM**
   Setiausaha Bahagian
   Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib
   Sehingga 12 September 2015

5. **ENCIK MOHD FARID BIN MOHD ARIF**
   Setiausaha Bahagian
   Bahagian Pengambilan Guru
   Sehingga 9 November 2015


SPP
SURUHANJAYA
SPP

# URUSAN PELANTIKAN

Proses pengambilan yang dilaksanakan oleh SPP bermula apabila pihak KPM atau KPT memaklumkan bilangan kekosongan jawatan yang perlu diisi sama ada jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP), Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) atau Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP). Pengisian jawatan PPP difokuskan kepada graduan pendidikan keluaran Universiti Awam (UA) dan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM). Manakala pengambilan PPPT dan AKP adalah didasarkan kepada permohonan melalui JobsMalaysia. Senarai skim perkhidmatan yang pelantikannya diuruskan oleh SPP seperti di **Jadual 1**.

**Jadual 1: Senarai Skim Perkhidmatan**

| JAWATAN |
|---|
| **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL** |
| PPP GRED DG41/DG29 |
| PPPT GRED DH53/DH51/DH47/DH43/DH41/DH33/DH31/DH29 |
| **ANGGOTA KUMPULAN PELAKSANA** |
| PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) [PT(P/O)] GRED N17 |
| PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) [PT(KEW)] GRED W17 |
| PENYELIA ASRAMA GRED N17 |
| PEMBANTU PENGURUSAN MURID (PPM) GRED N17 |
| PEGAWAI KHIDMAT PELANGGAN (PKP) GRED N17 |
| PEMBANTU MAKMAL (PM) GRED C17 |
| PEMBANTU OPERASI (PO) GRED N11 |
| PEMANDU KENDERAAN GRED H11 |
| PEMBANTU AWAM GRED H11 |

Secara keseluruhannya SPP menerima seramai 262,658 permohonan pengisian jawatan pada tahun 2015. Daripada jumlah tersebut, 7,129 orang calon telah dipanggil temu duga dan 13,813 orang calon telah ditawarkan pelantikan. Ringkasan urusan pelantikan mengikut skim perkhidmatan yang telah dilaksanakan oleh SPP adalah seperti yang ditunjukkan di **Jadual 2**.  Manakala perbandingan jumlah permohonan, temu duga dan tawaran pelantikan serta pecahannya mengikut skim perkhidmatan ditunjukkan di **Carta 1.**

**Jadual 2: Bilangan Permohonan, Temu Duga Dan Tawaran Pelantikan Jawatan PPP, PPPT Dan AKP Bagi Tahun 2015 - Calon Pasaran Terbuka**

| URUSAN | JAWATAN | | | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|
| | PPP | PPPT | AKP | |
| PERMOHONAN | 54,509 | 44,428 | 163,721 | 262,658 |
| TEMU DUGA | 6,363 | 229 | 537 | 7,129 |
| TAWARAN PELANTIKAN | 12,071 | 78 | 1,664 | 13,813 |




## URUSAN PELANTIKAN TETAP PPP

Urusan pengambilan PPP bagi tahun 2015 merangkumi calon seperti berikut:

(i) Graduan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) daripada IPGM;
(ii) Graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) daripada UA; dan
(iii) Graduan Program *Teach For* Malaysia (TFM).

Perangkaan urusan pengambilan PPP mengikut gred jawatan adalah seperti di **Jadual 3.**

**Jadual 3: Urusan Pelantikan PPP Bagi Tahun 2015**

| URUSAN / WILAYAH | PERMOHONAN | TEMU DUGA | TAWARAN PELANTIKAN |
|---|---|---|---|
| **PPP DG41** | | | |
| SEMENANJUNG | 30,738 | 6,353 | 12,062 |
| SABAH | 3,137 | - | - |
| SARAWAK | 2,842 | - | - |
| JUMLAH | 36,717 | 6,353 | 12,062 |
| **PPP DG29** | | | |
| SEMENANJUNG | 15,056 | 10 | 9 |
| SABAH | 1,616 | - | - |
| SARAWAK | 1,120 | - | - |
| JUMLAH | 17,792 | 10 | 9 |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | **54,509** | **6,363** | **12,071** |

## URUSAN PELANTIKAN TETAP PPPT

Urusan pengambilan PPPT bagi tahun 2015 melibatkan calon dari pasaran terbuka dan calon tajaan Skim Latihan Tenaga Pengajar (SLTP). Perangkaan urusan pengambilan PPPT melibatkan calon pasaran terbuka adalah seperti di **Jadual 4** manakala perangkaan pelantikan PPPT melibatkan calon tajaan SLTP adalah seperti di **Jadual 5**.

**Jadual 4: Urusan Pelantikan Tetap PPPT Bagi Tahun 2015 – Calon Pasaran Terbuka**

| URUSAN / WILAYAH | PERMOHONAN | TEMU DUGA | TAWARAN PELANTIKAN |
|---|---|---|---|
| **PPPT DH41** | | | |
| SEMENANJUNG | 23,478 | 48 | 39 |
| SABAH | 1,768 | 93 | 16 |
| SARAWAK | 1,392 | 88 | 18 |
| JUMLAH | 26,638 | 229 | 73 |
| **PPPT DH29** | | | |
| SEMENANJUNG | 15,522 | - | 5 |
| SABAH | 1,294 | - | - |
| SARAWAK | 974 | - | - |
| JUMLAH | 17,790 | - | 5 |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | **44,428** | **229** | ***78** |

*42 orang calon adalah dari urusan temu duga tahun 2014

**Jadual 5: Urusan Pelantikan Tetap PPPT Bagi Tahun 2015 – Calon Tajaan SLTP**

| JENIS PELANTIKAN / URUSAN | PELANTIKAN SEMENTARA TAHUN 2015 | PELANTIKAN TETAP TAHUN 2015 |
|---|---|---|
| TEMU DUGA | - | 33 |
| TAWARAN PELANTIKAN | 44 | *83 |

*51 orang calon ditemu duga pada tahun 2014 dan 33 orang calon ditemu duga pada tahun 2015. Walau bagaimanapun, seorang (1) calon meletak jawatan pada 1 Mei 2015 selepas ditemu duga.

## URUSAN PELANTIKAN TETAP AKP

SPP melaksanakan iklan pengambilan sepanjang masa bagi pengisian jawatan AKP melalui Portal JobsMalaysia. Kelayakan masuk ke jawatan AKP adalah di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Perangkaan pengambilan AKP bagi tahun 2015 melalui pasaran terbuka adalah seperti di **Jadual 6**.

### Jadual 6: Urusan Pelantikan Tetap AKP Bagi Tahun 2015 – Calon Pasaran Terbuka

| WILAYAH \ URUSAN | PERMOHONAN | TEMU DUGA | TAWARAN PELANTIKAN |
|---|---|---|---|
| **PT (PO) N17** | | | |
| SEMENANJUNG | 40,417 | - | 151 |
| SABAH | - | - | 17 |
| SARAWAK | 5,126 | 87 | 55 |
| JUMLAH | 45,543 | 87 | 223 |
| **PT (KEW) W 17** | | | |
| SEMENANJUNG | 13,349 | - | 41 |
| SABAH | - | - | 12 |
| SARAWAK | 1,310 | - | 4 |
| JUMLAH | 14,659 | - | 57 |
| **PPM N17** | | | |
| SEMENANJUNG | 25,868 | - | 825 |
| SABAH | - | - | 179 |
| SARAWAK | 5,206 | 9 | 15 |
| JUMLAH | 31,074 | 9 | 1,019 |
| **PM C17** | | | |
| SEMENANJUNG | 21,495 | - | 93 |
| SABAH | - | - | 34 |
| SARAWAK | 3,539 | 10 | 1 |
| JUMLAH | 25,034 | 10 | 128 |
| **PENYELIA ASRAMA N17** | | | |
| SEMENANJUNG | 16,656 | - | 60 |
| SABAH | - | - | 8 |
| SARAWAK | 3,832 | 10 | 7 |
| JUMLAH | 20,488 | 10 | 75 |
| **PO N11** | | | |
| SEMENANJUNG | 7,242 | 396 | 74 |
| SABAH | - | - | |
| SARAWAK | 1,418 | 25 | 8 |
| JUMLAH | 8,660 | 421 | 82 |
| **PEMANDU KENDERAAN H11** | | | |
| SEMENANJUNG | 2,639 | - | 63 |
| SABAH | - | - | 12 |
| SARAWAK | 436 | - | 5 |
| JUMLAH | 3,075 | - | 80 |
| **PKP N17** | | | |
| SEMENANJUNG | 15,136 | - | - |
| SABAH | - | - | - |
| SARAWAK | - | - | - |
| JUMLAH | 15,136 | - | - |
| **PAP N1** | | | |
| SEMENANJUNG | 52 | - | - |
| SABAH | - | - | - |
| SARAWAK | - | - | - |
| JUMLAH | 52 | - | - |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | **163,721** | **537** | **1,664** |

## URUSAN PENGAMBILAN AKP DI SEKOLAH AGAMA BANTUAN KERAJAAN (SABK)

Pada tahun 2015, urusan pengambilan bagi pengisian AKP di SABK Negeri Johor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Perak, Pahang dan Negeri Sembilan telah dilaksanakan. Perangkaan urusan pengambilan AKP bagi SABK seperti di **Jadual 7**.

**Jadual 7: Urusan Pengambilan AKP Bagi SABK Tahun 2015**

| WILAYAH / URUSAN | TEMU DUGA | TAWARAN PELANTIKAN |
|---|---|---|
| **PT (PO) N17** | | |
| JOHOR | 3 | 3 |
| WP KUALA LUMPUR | 2 | 2 |
| PERAK | - | - |
| PAHANG | - | - |
| NEGERI SEMBILAN | 3 | 3 |
| JUMLAH | 8 | 8 |
| **PENYELIA ASRAMA N17** | | |
| JOHOR | - | - |
| WP KUALA LUMPUR | 1 | 1 |
| PERAK | - | - |
| PAHANG | - | - |
| NEGERI SEMBILAN | - | - |
| JUMLAH | 1 | 1 |
| **PM C17** | | |
| JOHOR | - | - |
| WP KUALA LUMPUR | 1 | 1 |
| PERAK | - | - |
| PAHANG | - | - |
| NEGERI SEMBILAN | - | - |
| JUMLAH | 1 | 1 |
| **PO N11** | | |
| JOHOR | - | - |
| WP KUALA LUMPUR | - | - |
| PERAK | - | - |
| PAHANG | - | - |
| NEGERI SEMBILAN | 1 | 1 |
| JUMLAH | 1 | 1 |
| **PAP N1** | | |
| JOHOR | - | - |
| WP KUALA LUMPUR | - | - |
| PERAK | - | - |
| PAHANG | 1 | 1 |
| NEGERI SEMBILAN | - | - |
| JUMLAH | 1 | 1 |
| **PEMANDU KENDERAAN R3** | | |
| JOHOR | - | - |
| WP KUALA LUMPUR | - | - |
| PERAK | *1 | *1 |
| PAHANG | - | - |
| NEGERI SEMBILAN | - | - |
| JUMLAH | *1 | *1 |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | **13** | **13** |

*Seorang calon ditemu duga pada tahun 2014 dan ditawarkan pelantikan pada tahun 2015

## PERBANDINGAN URUSAN PELANTIKAN PPP, PPPT DAN AKP

Perbandingan urusan permohonan, panggilan temu duga dan tawaran pelantikan tetap mengikut jawatan bagi tempoh tiga tahun mulai 2013 hingga 2015 adalah seperti yang ditunjukkan oleh **Carta 2, 3** dan **4**.

**Carta 2 : Perbandingan Urusan Pelantikan PPP Bagi Tahun 2013 Hingga 2015**




**Carta 3 : Perbandingan Urusan Pelantikan PPPT Bagi Tahun 2013 Hingga 2015**



Carta 4 : Perbandingan Urusan Pelantikan AKP Bagi Tahun 2013 Hingga 2015




## PEMBATALAN TAWARAN PELANTIKAN

Seseorang calon yang gagal memenuhi syarat tawaran pelantikan, iaitu sama ada disebabkan oleh keadaan kesihatan yang tidak memuaskan atau membuat akuan berkanun palsu boleh dibatalkan tawaran pelantikannya mengikut Peraturan 20 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012. Pada tahun 2015, empat (4) orang PPP, seorang (1) PPPT dan empat orang (4) AKP telah dibatalkan tawaran pelantikan oleh SPP.

# URUSAN PERKHIDMATAN

SPP bertanggungjawab untuk menimbang dan meluluskan urusan perkhidmatan APP yang diperakukan oleh Ketua Jabatan merangkumi:

(i) Pengesahan Pelantikan
(ii) PDP
(iii) PTP
(iv) PTB
(v) Pelantikan Kontrak;
(vi) Pertukaran Pelantikan;
(vii) Penamatan Perkhidmatan; dan
(viii) Kembali Ke Dalam Skim Perkhidmatan Terdahulu.

Setiap perakuan yang diterima akan diproses berdasarkan syarat perkhidmatan dan peraturan yang ditetapkan oleh Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 [P.U. (A) 1/2012], Pekeliling dan Surat Pekeliling Perkhidmatan serta Pekeliling SPP yang berkuat kuasa.

## PENGESAHAN PELANTIKAN

APP layak diperakukan untuk pengesahan pelantikan setelah mengembalikan semula dokumen Pakej Setuju Terima Tawaran dengan lengkap dalam tempoh yang ditetapkan kepada SPP yang mengandungi:

(i) Surat Setuju Terima Tawaran Pelantikan;
(ii) Surat Akuan Sumpah;
(iii) Borang Permohonan Pemeriksaan Perubatan Untuk Pelantikan Ke Dalam Perkhidmatan Awam; dan
(iv) Surat Aku Janji

Jumlah urusan pengesahan pelantikan bagi Tahun 2015 melibatkan 14,199 orang APP di mana pecahan urusan tersebut mengikut jumlah skim perkhidmatan dan wilayah adalah seperti di **Jadual 8**.

**Jadual 8: Bilangan Pegawai Mengikut Skim Perkhidmatan Yang Disahkan Pelantikan Bagi Tahun 2015**

| SKIM / WILAYAH | PPP | PPPT | AKP | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|
| SEMENANJUNG | 10,005 | 217 | 1,621 | 11,843 |
| SABAH | 1,267 | 47 | 158 | 1,472 |
| SARAWAK | 572 | 46 | 266 | 884 |
| **JUMLAH** | **11,844** | **310** | **2,045** | **14,199** |

## PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

APP layak diperakukan untuk PDP setelah memenuhi syarat berikut: -

(i) telah menjalani tempoh percubaan yang ditetapkan;
(ii) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda atau Kursus Induksi (bagi pegawai yang telah dilantik pada / sebelum 31 Disember 2012);
(iii) lulus peperiksaan perkhidmatan yang disyaratkan (bagi AKP); dan
(iv) diperakukan oleh Ketua Jabatan.

Jumlah urusan PDP dalam tahun 2015 melibatkan 23,858 orang APP di mana pecahan urusan tersebut mengikut jumlah skim perkhidmatan dan wilayah seperti di **Jadual 9**.

**Jadual 9: Bilangan Pegawai Mengikut Skim Perkhidmatan Yang Disahkan Dalam Perkhidmatan Bagi Tahun 2015**

| SKIM / WILAYAH | PPP | PPPT | AKP | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|
| SEMENANJUNG | 9,316 | 100 | 7,706 | 17,122 |
| SABAH | 2,159 | - | 1,168 | 3,327 |
| SARAWAK | 2,379 | - | 1,030 | 3,409 |
| **JUMLAH** | **13,854** | **100** | **9,904** | **23,858** |

## PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN

APP boleh diberi PTP sekiranya belum disahkan dalam tempoh percubaan asal tertakluk kepada kelulusan SPP. Seramai 220 orang APP telah diluluskan PTP. Perangkaan pegawai yang diluluskan PTP bagi tahun 2015 adalah seperti di **Jadual 10** yang berikut:

**Jadual 10: Bilangan Pegawai Mengikut Skim Perkhidmatan Yang Diluluskan PTP Bagi Tahun 2015**

| SKIM / WILAYAH | PPP | PPPT | AKP | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|
| SEMENANJUNG | 74 | - | 49 | 123 |
| SABAH | 26 | - | 23 | 49 |
| SARAWAK | 34 | - | 14 | 48 |
| **JUMLAH** | **134** | **-** | **86** | **220** |

## PEMBERIAN TARAF BERPENCEN

Seseorang APP layak diberi PTB mengikut undang-undang pencen sekiranya telah memenuhi syarat berikut: -

(i) disahkan dalam perkhidmatan;
(ii) tidak bersetuju memilih skim KWSP;
(iii) berkhidmat tidak kurang dari tiga tahun dalam perkhidmatan yang boleh diambil kira; dan
(iv) diperakukan oleh Ketua Jabatan.

SPP telah meluluskan PTB bagi 13,486 orang pegawai dalam tahun 2015. Perangkaan urusan PTB mengikut skim perkhidmatan dan wilayah bagi tahun 2015 adalah seperti di **Jadual 11** yang berikut:

**Jadual 11: Bilangan Pegawai Mengikut Skim Perkhidmatan Yang Diluluskan PTB Bagi Tahun 2014**

| Skim / Wilayah | PPP | PPPT | AKP | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| Semenanjung | 7,766 | 408 | 1,852 | 10,026 |
| Sabah | 1,065 | - | 282 | 1,347 |
| Sarawak | 1,765 | - | 348 | 2,113 |
| **Jumlah** | **10,596** | **408** | **2,482** | **13,486** |

## OPSYEN KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP)

Pada tahun 2015, seramai 305 pegawai yang diperakukan pengesahan dalam perkhidmatan telah memilih opsyen skim KWSP. Opsyen skim KWSP yang dipilih oleh pegawai mula berkuat kuasa dan menjadi muktamad apabila seseorang pegawai itu telah disahkan dalam perkhidmatan oleh SPP selaras dengan Seksyen 6A(3), Akta Pencen 1980. Perangkaan pegawai yang memilih dan menolak opsyen skim KWSP adalah seperti di **Jadual 12** yang berikut. Manakala **Carta 5** menunjukkan pecahan peratusan pegawai yang menerima dan menolak opsyen KWSP bagi tahun 2015.

**Jadual 12: Perangkaan Pegawai Yang Menerima Dan Menolak Opsyen KWSP Bagi Tahun 2015**

| WILAYAH \ SKIM | PPP | PPPT | AKP | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|
| **MENERIMA OPSYEN KWSP** | | | | |
| SEMENANJUNG | 160 | 2 | 14 | 176 |
| SABAH | 35 | - | 10 | 45 |
| SARAWAK | 79 | - | 5 | 84 |
| **JUMLAH** | **274** | **2** | **29** | **305** |
| **MENOLAK OPSYEN KWSP** | | | | |
| SEMENANJUNG | 5,596 | 92 | 2,156 | 7,844 |
| SABAH | 1,900 | - | 383 | 2,283 |
| SARAWAK | 1,444 | - | 196 | 1,640 |
| **JUMLAH** | **8,940** | **92** | **2,735** | **11,767** |

**Carta 5: Pecahan Bilangan Pegawai Yang Menerima Dan Menolak Opsyen KWSP Bagi Tahun 2015**



## PENAMATAN PERKHIDMATAN

Pegawai yang dilantik ke perkhidmatan awam mestilah sihat dan tidak menyembunyikan apa-apa maklumat tentang kesihatannya, tidak membuat akuan palsu, tidak memalsukan apa-apa dokumen yang berhubung dengan pelantikannya dan lulus tapisan keselamatan, jika disyaratkan.

Pegawai yang tidak memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan boleh ditamatkan perkhidmatannya mengikut Peraturan 48, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012.

Bagi pegawai yang gagal tapisan keselamatan boleh ditamatkan perkhidmatannya di bawah Peraturan 49 dan pegawai yang gagal disahkan dalam perkhidmatan selepas tamat tempoh percubaan mereka kerana gagal memenuhi syarat pengesahan yang ditetapkan, juga boleh ditamatkan perkhidmatannnya mengikut Peraturan 50 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012.

SPP telah menamatkan perkhidmatan seorang PPP dan sebelas (11) orang AKP pada tahun 2015.

## PELANTIKAN SECARA KONTRAK

Pelantikan secara kontrak bermaksud pelantikan seseorang pegawai untuk berkhidmat dalam perkhidmatan dalam tempoh tertentu mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 02/2008.

Pada tahun 2015, SPP telah melantik seramai 764 calon sebagai pegawai kontrak. Tempoh lantikan adalah selama dua (2) tahun dan boleh disambung sekiranya diperakukan oleh Ketua Jabatan. Perangkaan urusan pelantikan secara kontrak adalah seperti di **Jadual 13** yang berikut.

**Jadual 13: Pelantikan Secara Kontrak Bagi Tahun 2015**

| JAWATAN | JUMLAH |
|---|---|
| PPP Gred DG41 (TFM) | 71 |
| PPP Gred DG41 (SABK) | 367 |
| PPP Gred DG 29 (SABK) | 260 |
| PT (P/O) Rintis | 9 |
| AKP (SABK) | 57 |
| **JUMLAH** | **764** |

## PERTUKARAN SEMENTARA

Pertukaran sementara bermaksud pelantikan seseorang Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan ke perkhidmatan awam lain dalam Angkatan Tentera, Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, Perkhidmatan Awam Persekutuan, Pasukan Polis dan Perkhidmatan Pendidikan atau pelantikan ke suatu jawatan dalam jawatan perkhidmatan yang lain di bawah PBM yang sama untuk tempoh tertentu tanpa memutuskan ikatan pegawai itu dengan perkhidmatan asalnya.

Bagi tahun 2015, SPP telah meluluskan permohonan pengurangan tempoh bagi urusan pertukaran sementara, pelepasan bagi pelanjutan urusan pertukaran sementara, pelepasan bagi pertukaran sementara dan pembatalan bagi urusan pertukaran sementara untuk seramai 240 orang pegawai bagi membolehkan mereka berkhidmat di luar Perkhidmatan Pendidikan. Perangkaan urusan pertukaran sementara adalah seperti di **Jadual 14** yang berikut.

**Jadual 14: Bilangan Pegawai Yang Diluluskan Pertukaran Sementara Bagi Tahun 2015**

| PERKARA | JAWATAN | | JUMLAH |
|---|---|---|---|
| | PPP | PPPT | |
| PEMENDEKAN BAGI URUSAN PERTUKARAN SEMENTARA | 57 | - | 57 |
| PELEPASAN BAGI PELANJUTAN URUSAN PERTUKARAN SEMENTARA | 32 | 2 | 34 |
| PELEPASAN BAGI PERTUKARAN SEMENTARA | 140 | 9 | 149 |
| **JUMLAH** | **229** | **11** | **240** |

## PEMINJAMAN PEGAWAI

Peminjaman pegawai bermaksud pelantikan seseorang pegawai dari Perkhidmatan Awam Persekutuan ke Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan atau mana-mana organisasi dalam dan luar Malaysia untuk tempoh tertentu tanpa memutuskan ikatan pegawai dengan perkhidmatan asalnya.

Bagi tahun 2015, SPP telah bersetuju melepaskan seramai 69 orang pegawai untuk dipinjamkan ke pelbagai agensi lain. Perangkaan urusan peminjaman pegawai adalah di **Jadual 15** yang berikut.

**Jadual 15: Bilangan Pegawai Yang Terlibat Dalam Urusan Peminjaman Pegawai Bagi Tahun 2015**

| JAWATAN / URUSAN | PPP | PPPT | JUMLAH |
|---|---|---|---|
| PEMENDEKAN BAGI URUSAN PEMINJAMAN | 16 | 1 | 17 |
| PELEPASAN BAGI PELANJUTAN URUSAN PEMINJAMAN | 21 | - | 21 |
| PELEPASAN BAGI URUSAN PEMINJAMAN | 31 | - | 31 |
| **JUMLAH** | **68** | **1** | **69** |

# URUSAN
# KENAIKAN PANGKAT &
# KAWALAN TATATERTIB

Perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan antaranya menyatakan SPP berfungsi menjalankan kawalan tatatertib ke atas APP atau perkhidmatan-perkhidmatan yang diliputi oleh bidang kuasa SPP seperti berikut:

**Kawalan Tatatertib**

(i) Pihak Berkuasa Tatatertib bagi memutuskan kes tatatertib dari jenis yang mewajarkan dikenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat terhadap PPP dan PPPT;

(ii) Pihak Berkuasa Tatatertib bagi mengenakan perintah tahan kerja dan perintah gantung kerja ke atas pegawai yang terlibat dengan kes jenayah dan dituduh di mahkamah sebelum hukuman tatatertib dijatuhkan; dan

(iii) Lembaga Rayuan Tatatertib bagi memutuskan rayuan tatatertib oleh APP yang tidak berpuas hati dengan penetapan hukuman oleh Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Pendidikan di peringkat jabatan atau kementerian.

**Kenaikan Pangkat**

(i) Lembaga Rayuan Naik Pangkat bagi menimbang dan memutuskan rayuan kenaikan pangkat bagi PPP dan PPPT; dan

(ii) SPP juga bertanggungjawab meluluskan kenaikan pangkat bagi KPPM.





## TINDAKAN TATATERTIB

Bagi tahun 2015, SPP telah menimbang dan memutuskan sebanyak **86** kes tatatertib merangkumi tatatertib am dan tatatertib jenayah seperti di **Jadual 16.** Pecahan peratusan kes tatatertib bagi tahun 2015 ditunjukkan di **Carta 6**. Manakala **Jadual 17** menunjukkan hukuman-hukuman tatatertib yang telah dijatuhkan ke atas APP sepanjang tahun 2015.

**Jadual 16: Kes Tatatertib Sehingga 31 Disember 2015**

| KES TATATERTIB | PPP | PPPT | JUMLAH |
|---|---|---|---|
| TIDAK HADIR BERTUGAS | 40 | 1 | 41 |
| TATAKELAKUAN | 23 | 1 | 24 |
| SABITAN MAHKAMAH | 21 | - | 21 |
| **JUMLAH** | **84** | **2** | **86** |

**Carta 6: Pecahan Kes Tatatertib (%) Sehingga 31 Disember 2015**



**Jadual 17: Hukuman Tatatertib Sehingga 31 Disember 2015**

| HUKUMAN | JUMLAH |
|---|---|
| AMARAN DAN DENDA | 5 |
| AMARAN, DENDA DAN LUCUT HAK EMOLUMEN | 1 |
| AMARAN, LUCUT HAK EMOLUMEN DAN TANGGUH PERGERAKAN GAJI | 1 |
| AMARAN DAN TANGGUH PERGERAKAN GAJI | 2 |
| AMARAN DAN TURUN GAJI | 3 |
| AMARAN, DENDA DAN TURUN GAJI | 2 |
| AMARAN, LUCUT HAK EMOLUMEN DAN TURUN GAJI | 4 |
| LUCUT HAK EMOLUMEN DAN TURUN GAJI | 3 |
| TURUN GAJI | 1 |
| AMARAN DAN TURUN PANGKAT | 3 |
| TURUN PANGKAT | 7 |
| LUCUT HAK EMOLUMEN DAN BUANG KERJA | 31 |
| BUANG KERJA | 16 |
| **JUMLAH** | **79** |

## PEWARTAAN

Sepanjang Tahun 2015, SPP telah bersetuju mewartakan empat (4) orang pegawai bagi jumlah kes tidak hadir bertugas tanpa cuti dan tidak dapat dikesan mengikut Peraturan 26, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib).

## PERINTAH TAHAN KERJA

Perintah Tahan Kerja dikenakan ke atas pegawai apabila telah dimulakan prosiding-prosiding berikut:

(i) Prosiding Jenayah; atau

(ii) Prosiding Tindakan Tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat

Pada tahun 2015, SPP telah menahan kerja sembilan (9) orang pegawai yang menghadapi prosiding jenayah di mahkamah seperti di **Jadual 18.**

**Jadual 18: Perintah Tahan Kerja Bagi Tahun 2015**

| JENIS KESALAHAN | JUMLAH |
|---|---|
| AKTA PENCEGAHAN RASUAH 1997 / AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009 | - |
| KESALAHAN DI BAWAH KANUN KESEKSAAN/ UNDANG-UNDANG LAIN | 9 |
| KESALAHAN JENAYAH DI BAWAH AKTA / ENAKMEN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH ATAU ENAKMEN UNDANG-UNDANG ISLAM | - |
| **JUMLAH** | **9** |

## PERINTAH GANTUNG KERJA

Perintah Gantung Kerja dikenakan ke atas pegawai dalam keadaan seperti berikut:

(i) Pegawai telah disabitkan oleh mana-mana mahkamah; atau

(ii) Suatu perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri dan sebagainya seperti dinyatakan di bawah Peraturan 32, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 telah dibuat terhadap pegawai.

Sepanjang tahun 2015, SPP telah menggantung kerja dua belas (12) orang pegawai kerana disabitkan kesalahan oleh mahkamah seperti di **Jadual 19**.

**Jadual 19: Perintah Gantung Kerja Bagi Tahun 2015**

| JENIS KESALAHAN | JUMLAH |
|---|---|
| AKTA PENCEGAHAN RASUAH 1997/ AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009 | 2 |
| KESALAHAN DI BAWAH KANUN KESEKSAAN/ UNDANG-UNDANG LAIN | 9 |
| KESALAHAN JENAYAH DI BAWAH AKTA/ENAKMEN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH ATAU ENAKMEN UNDANG-UNDANG ISLAM | 1 |
| **JUMLAH** | **12** |

## RAYUAN TATATERTIB

Pada tahun 2015, Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Pendidikan telah menimbang dan memutuskan sebanyak 165 kes rayuan tatatertib bagi APP seperti di **Jadual 20**.

**JADUAL 20: KEPUTUSAN KES RAYUAN TATATERTIB SEHINGGA 31 DISEMBER 2015**

| KEPUTUSAN | JUMLAH |
|---|---|
| MENGHANTAR BALIK KES KEPADA LEMBAGA TATATERTIB UNTUK DITIMBANG SEMULA | 2 |
| MENGESAHKAN KEPUTUSAN LEMBAGA TATATERTIB | 142 |
| MENGESAHKAN KEPUTUSAN LEMBAGA TATATERTIB TENTANG SALAH LAKU PERAYU TETAPI MENGUBAH HUKUMAN KEPADA HUKUMAN YANG LEBIH RINGAN | 18 |
| MENGAKAS KEPUTUSAN DAN HUKUMAN LEMBAGA TATATERTIB DAN MEMBEBASKAN PERAYU | 3 |
| **JUMLAH** | **165** |

## RAYUAN KENAIKAN PANGKAT

SPP selaku Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat telah menolak 73 rayuan kenaikan pangkat. Rayuan kenaikan pangkat tahun 2015 yang diterima dari kalangan PPP dan PPPT adalah seperti di **Jadual 21**.

**Jadual 21: Keputusan Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Mengikut Gred Jawatan PPP dan PPPT Tahun 2015**

| KATEGORI RAYUAN KENAIKAN PANGKAT | KEPUTUSAN RAYUAN |
|---|---|
| | BIL. RAYUAN DITOLAK |
| PPP GRED DG48 KE GRED DG52 | 23 |
| PPPT GRED DH48 KE GRED DH52 | 4 |
| PPPT GRED DH44 KE GRED DH48 | 1 |
| PPPT GRED DH41 KE GRED DH44 | 45 |
| **JUMLAH** | **73** |



# PENGURUSAN MAKLUMAT

Pengurusan Maklumat di SPP diterajui oleh Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM). BPM berperanan dalam menyediakan prasarana dan khidmat sokongan ICT bagi menyokong pelaksanaan fungsi SPP. Sepanjang tahun 2015, BPM telah mengambil inisiatif-inisiatif berikut :-

## SISTEM PEMARKAHAN TEMU DUGA (SPTD)

Sebelum ini, pemarkahan temu duga calon-calon dilaksanakan secara manual dimana Anggota Suruhanjaya yang merupakan Pengerusi Lembaga Temu Duga menggunakan borang bercetak untuk merekod markah-markah calon semasa temu duga berjalan. Selepas selesai temu duga markah-markah ini akan di *key-in* ke dalam Sistem eSPP oleh pihak urus setia. Sistem eSPP adalah merupakan sistem maklumat bersepadu bagi urusan pengambilan dan perkhidmatan SPP.

Berdasarkan keperluan bagi mempercepatkan urusan temu duga, SPTD telah dibangunkan dengan cara integrasi data dengan Sistem eSPP. SPTD boleh dicapai di mana-mana dengan kemudahan *internet*. Melalui sistem ini, Anggota Suruhanjaya boleh memasukkan markah calon semasa menjalankan temu duga secara digital ke pangkalan data Sistem eSPP. Pada tahun 2015 SPTD mula dilaksanakan secara rintis melibatkan pusat temu duga di Putrajaya dan inisiatif ini akan diperluaskan ke pusat-pusat temu duga lain seluruh Malaysia pada masa hadapan.

**Pemarkahan Temu Duga *Online***




## INTEGRASI DATA MERENTASI AGENSI

Bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan urusan pengambilan APP, SPP telah menjalin kerjasama dengan agensi Kerajaan lain bagi tujuan perkongsian maklumat secara dalam talian. Perkongsian ini dilaksanakan melalui integrasi data yang melibatkan beberapa sistem utama agensi iaitu sistem eSPP dengan sistem eGraduan, JobsMalaysia dan myIDENTITY.

- **Sistem eSPP**
  Merupakan sistem maklumat bersepadu yang telah dibangunkan bagi menyokong fungsi teras SPP dalam melaksanakan urusan melantik, mengesah, memasukkan ke dalam jawatan tetap atau jawatan berpencen dan menjalankan kawalan tatertib.

- **JobsMalaysia**
  Merupakan perkhidmatan yang disediakan oleh Jabatan Tenaga Kerja bagi urusan pengambilan pekerja. Ia boleh dicapai oleh pengguna melalui portal dengan kemudahan internet. Integrasi Sistem eSPP dan Sistem JobsMalaysia melibatkan permohonan ke jawatan-jawatan di bawah tanggungjawab SPP secara dalam talian.

- **eGraduan**
  Sistem eGraduan adalah sistem yang dibangunkan oleh KPM. Integrasi Sistem eSPP dan eGraduan melibatkan data guru yang telah diperaku lantikan bagi tujuan penempatan oleh KPM dan urusan pengesahan pelantikan oleh SPP.

- **myIDENTITY**
  Kemudahan perkhidmatan dalam talian bagi warganegara Malaysia dan pemastautin tetap apabila berurusan dengan pihak kerajaan dengan butiran maklumat peribadi yang betul dan terkini. Pengguna tidak perlu memberi maklumat peribadi yang sama berulang kali. Jabatan Pendaftaran Negara adalah merupakan *custodian* kepada sistem ini manakala sembilan (9) agensi Kerajaan lain termasuk SPP adalah merupakan agensi pelaksana.

Integrasi Data Merentasi Agensi




## MEMPERLUAS SALURAN KOMUNIKASI

Perkembangan teknologi maklumat telah menjadikan ia antara saluran komunikasi terpenting bagi pengurusan maklumat masa kini. Bagi mendekati pelanggan dan rakyat dengan lebih cepat dan berkesan, SPP telah memperluaskan saluran komunikasi tidak terhad kepada pengiriman surat, telefon atau emel sahaja tetapi juga menyediakan aplikasi dalam talian yang boleh dicapai melalui portal, khidmat pesanan ringkas (SMS), media baru seperti *facebook* dan *twitter*. Pada tahun 2015, kemudahan aplikasi dalam talian kepada APP untuk menyemak panggilan dan keputusan temu duga dan membuat cetakan melalui portal www.spp.gov.my.


SPP

# PRESTASI KEWANGAN

SPP diperuntukkan sebanyak RM19,834,261 bagi perbelanjaan mengurus di bawah T10 dan B40. Keseluruhan perbelanjaan pada akhir tahun berjumlah RM19,206,692 yang bersamaan 97%. Perangkaan peruntukan dan perbelanjaan di bawah T10 dan B40 bagi tahun 2015 adalah seperti di **Jadual 22**.

**Jadual 22: Bajet T10 Dan B40**

| PERKARA / MAKSUD | JUMLAH PERUNTUKAN | JUMLAH PERBELANJAAN | PERATUS PERBELANJAAN (%) |
|---|---|---|---|
| T10 | 3,935,800 | 3,596,457 | 91 |
| B40 | 15,898,461 | 15,610,235 | 98 |
| Jumlah | 19,834,261 | 19,206,692 | 97 |



# PERSIDANGAN PERKHIDMATAN PENDIDIKAN TAHUN 2015

Persidangan Perkhidmatan Pendidikan Tahun 2015 yang dianjurkan pada kali ini terdiri daripada dua acara utama iaitu Majlis Perasmian dan Jamuan Makan Malam yang diadakan di ParkCity Everly Hotel, Miri Sarawak pada 13 Mei 2015 dan Persidangan Perkhidmatan Pendidikan pada 14 hingga 15 Mei 2015 di Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak, Miri, Sarawak.

Majlis Perasmian dan Jamuan Makan Malam sempena persidangan ini telah disempurnakan oleh YAB Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, mantan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan Malaysia. Seramai 500 orang tetamu jemputan telah hadir terdiri daripada tetamu kehormat iaitu YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Alfred Jabu anak Numpang, Timbalan Ketua Menteri Sarawak mewakili YAB Ketua Menteri Sarawak, YB Datuk Joseph Entulu Belaun, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Datuk Amar Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Menteri Perumahan dan Menteri Pelancongan Sarawak dan Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Madinah Binti Mohamad, Ketua Setiausaha KPM serta peserta persidangan. Majlis turut diserikan dengan pelbagai persembahan kebudayaan daripada pelajar-pelajar sekolah dari SK Pujut Corner, Miri, SMK Taman Tunku, Miri, SMKA Miri, Miri dan SK Rumah Barrau, Tatau. Majlis ini turut menyaksikan pelacaran visi, misi dan lagu rasmi SPP.

Atur cara persidangan diteruskan pada sebelah pagi 14 Mei 2015 dengan kehadiran 330 orang peserta persidangan yang terdiri daripada Anggota SPP, pegawai-pegawai kanan KPM, pengarah-pengarah JPN Sarawak, pengetua-pengetua dan guru-guru besar sekolah-sekolah di sekitar Miri serta wakil dari Kesatuan Guru di Sarawak. Dua forum dan empat kertas kerja telah dibentangkan oleh pegawai kanan KPM, ahli akademik, mantan Pengerusi SPP, Anggota Suruhanjaya serta pegawai SPP. Salah satu sesi forum dikhususkan untuk mengupas tema persidangan iaitu "Anjakan Paradigma Ke Arah Profesion Keguruan Yang Dinamik". Manakala satu lagi sesi forum telah membincangkan mengenai "Peranan SPP Dalam Menjayakan Agenda Pendidikan Negara". Empat kertas kerja yang dibentangkan dalam persidangan ini adalah:

(i) "Pengalaman, Cabaran Dan Harapan SPP Dalam Urusan Pelantikan Dan Perkhidmatan Guru Dan Anggota Kumpulan Pelaksana Yang Berkualiti" ;
(ii) "Pandangan Majlis Profesor Negara Terhadap Sistem Pengambilan dan Pelantikan Guru" ;
(iii) "Tautan Kasih SPP-KPM: Mencari Titik Pertemuan ; dan
(iv) "*Justice Delayed, Justice Denied* – Di Mana Kita Hari Ini".



Persidangan ini telah mengupas isu-isu dan topik-topik yang dapat membantu mencari formula terbaik dalam merealisasikan Anjakan Paradigma Ke Arah Profesion Keguruan Yang Dinamik. Hasil persidangan ini telah membentuk resolusi berikut:

(i) pengambilan guru secara pasaran terbuka agar lebih ramai bakat terbaik terpilih memasuki perkhidmatan pendidikan ;

(ii) mengetatkan syarat dalam urusan pengambilan guru ;

(iii) mempertingkatkan syarat kemasukan calon ISMP di UA ;

(iv) menggiatkan usaha untuk membolehkan lebih ramai anak Sabah dan Sarawak dilantik menjadi tenaga pengajar di Sabah dan Sarawak ; dan

(v) mempercepatkan tindakan berkaitan urusan tatatertib dan perkhidmatan melalui perbincangan serta perjumpaan yang lebih kerap antara SPP dan KPM.

SPP merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Persidangan Perkhidmatan Pendidikan Tahun 2015 terutamanya kepada Kerajaan Negeri Sarawak di atas kesudian menaja Majlis Jamuan Makan Malam, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak dan Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak, Miri yang menjadi tuan rumah bagi Persidangan pada kali ini.

















# TRANSFORMASI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN


TRANSFORMASI
SPP
NAZIRAN URUSAN
PERKHIDMATAN
SPP ROAD TOUR
LAGU SPP
WACANA ILMU
PROGRAM ANAK ANGKAT

# GALERI

# Januari



**03.01.2015**
Sambutan Maulidur Rasul 1436H



**08.01.2015**
Perhimpunan Bersama Menteri





**30.01.2015**
Sepetang Bersama Setiausaha SPP







**19-20.01.2015**
Tautan Kasih SPP
Program Sukarelawan Bantuan Mangsa Banjir SMKA Kuala Krau, Bentong, Pahang





# Februari



**09-11.02.2015**
Program Transformasi (Birokrat) SPP 2015 Siri I Kem Bina Negara Ulu Sepri, Negeri Sembilan







# Mac



**03.03.2015**
Wacana Ilmu 1 / 2015





**05.03.2015**
Lawatan JPN Pahang





**26.03.2015**
Mesyuarat PUSPANITA



# April



**01.04.2015**
Program Mesra Pelanggan bersama YB Menteri di Kanowit



# Mei






**13-15.05.2015**
Persidangan Perkhidmatan Pendidikan





**14-16.05.2015**
Festival Hari Guru 2015




**22-24.05.2015**
Festival Belia Putrajaya 2015



# Jun



23.06.2015
Lawatan
Warga Pendidik
Bangladesh



# Julai



10.07.2015
Majlis Khatam
Al-Quran &
Tazkirah Ramadhan
Anjuran PUSPANITA
Cawangan Kecil SPP





27.07.2015
Program Wacana
Ilmu 2 / 2015





29.07.2015
Majlis
Penghargaan &
Makan Malam

31.07.2015
Jamuan Hari Raya
Aidilfitri SPP 2015





# Ogos



**01.08.2015**
Karnival Kerjaya dan Mesra Pelanggan 2015
Dewan Seri Melati, Beseri, Perlis






**17-19.08.2015**
Program Transformasi (Birokrat) SPP 2015 Siri 3
Kem Bina Negara, Meru, Klang



**24.08.2015**
Taklimat Pelantikan Secara Pinjaman, Pertukaran, Sementara Dan Pertukaran Tetap oleh Jabatan Perkhidmatan Awam







# September

**07.09.2015**
Taklimat Pelantikan Kemasukan Secara Lateral Entry Bagi Jawatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi









**10.09.2015**
Lawatan Sambil Belajar Kolej Komuniti Kulim Ke SPP





# September



**12.09.2015**
Program Transformasi Birokrat Perdana





**17.09.2015**
Road Tour Dan Hari Mesra Pelanggan 2015 SPP Bersama S.M.K. Dato' Sulaiman, Batu Pahat, Johor









# Oktober



**14.10.2015**
Majlis Perhimpunan Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1437H/2015M, Dataran Merdeka



**19.10.2015**
Taklimat *Teach For Malaysia*











**24.10.2015**
Karnival Lan Berambeh Anak Sarawak 2015, PWTC, Kuala Lumpur

# November





**13.11.2015**
Lawatan SMA Al-Mizan, Manong, Perak Ke SPP







**18.11.2015**
Mesyuarat Perhubungan SPP Dengan KPM Dan KPT Tahun 2015





**18-20.11.2015**
Mesyuarat Penyelarasan Pelan Strategik SPP 2016-2020



# Disember

**18.12.2015**
Majlis Persaraan dan Penerapan Nilai-nilai Murni, Tapak Perkhemahan Taman Wetland, Putrajaya.









# LIPUTAN MEDIA

## MAC 3

Home Contact Us RSS Archive Advertise with Us Fri, Mar 6, 2015

theSundaily

# Improvement in M'sian science knowledge necessary

Posted on 3 March 2015 - 02:42pm
*Last updated on 3 March 2015 - 03:19pm*
**Amar Shah Mohsen**
newsdesk@thesundaily.com

**PUTRAJAYA:** Malaysia is still not on par with developed countries in the field of science education and knowledge and the government should do more to ensure the nation is not lacking behind.

In saying this, Malaysia's astronaut Datuk Dr Sheikh Muszaphar Shukor was however encouraged by the response and enthusiasm of the younger generation.

Noting that the government has not done enough to help improve science education, he said: "There are no astronomy clubs in a lot of schools and universities, and there is a lack of knowledge on science as a whole. This is especially apparent in rural areas."

He was giving a talk on science, organised by the Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Malaysia (SPP), at the Prime Minister's Department complex auditorium here today.

He felt the Education Ministry should maybe change the curriculum and system so that it is more science oriented.

Sheikh Muszaphar, who went on a 12-day journey to space in October, 2007, said children were very excited on wanting to be involved in science and aerospace, and the government should find more innovative ways to try to make this a reality.

"We should help them and guide them. The interest is there, but we now need to change that into a reality," he said.

SPP chairman Datuk Dr Haili Dolhan said science education in the country is quite advanced but needed to be further developed.

"The number of science stream students is not very encouraging. We hope to encourage more students to explore the science field," said Haili.

The talk is the first of three to be organised this year by SPP under a programme which was earlier launched by Minister in the PM's Department Datuk Joseph Entulu Belaun.

**Related articles**

- Knowledge-sharing programme should be held regularly
- 'Emphasis should be placed on the R&D that can be done in space'
- It's quality not quantity, says Malaysian astronaut
- Return STEM in English or lose out
- Mahathir: Wealth does not guarantee M'sia will become a developed nation

BERNAMA - Program Pembudayaan Ilmu Perlu Diadakan Secara Ber... http://www.bernama.com/bernama/v8/bm/ge/newsgeneral.php?id=11...

AM : BERITA

# Program Pembudayaan Ilmu Perlu Diadakan Secara Berterusan - Entulu

– BERNAMA

1 of 1 3/5/2015 12:31 PM

## APRIL 4

Pastikan jawatan guru diisi anak Sarawak: Dr Haili – BorneoPost Onli... http://www.theborneopost.com/2015/04/02/pastikan-jawatan-guru-dii...

- Berita Iban
- Berita Sabah
- Sukan
- thesundaypost
- Columns
  - Our Stand
  - Letters to the Editor
  - Other Columns
- seeds.theborneopost.com
- Archive

Home - Utusan Borneo - Berita Sarawak

# Pastikan jawatan guru diisi anak Sarawak: Dr Haili

Posted on April 2, 2015, Thursday

Like 1

Oleh Florence Nervyn //

***SPP fahami keperluan pengisian jawatan sektor pendidikan kepada anak jati Sarawak***

KANOWIT: Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) memahami keperluan pengisian jawatan sektor pendidikan kepada anak jati Sarawak.

Pengerusi SPP Datuk Dr Haili Dolhan berkata pengisian jawatan kosong dalam sektor pendidikan itu khasnya jawatan guru dan anggota sokongan.

"Salah satu usaha SPP adalah melaksanakan temu duga di kawasan yang ada kekosongan.

"SPP dan Kementerian Pendidikan sentiasa berbincang untuk memastikan kekosongan jawatan guru-guru di Sarawak diisi oleh anak tempatan," katanya pada Program Mesra Pelanggan anjuran SPP, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) di Sekolah Kebangsaan (SK) Hulu Ranan, di sini semalam.

Program Mesra Pelanggan itu disempurnakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Ahli Parlimen Selangau Datuk Joseph Entulu Belaun.

Dr Haili memberitahu, SPP juga memastikan calon-calon yang hendak ditawarkan jawatan guru adalah daripada kalangan mereka yang mempunyai kelayakan ditetapkan.

"Ini bagi memastikan kualiti pendidikan di Sarawak sama dengan negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia," ujarnya.

Pada majlis sama, Entulu menyampaikan Sijil Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) dan Surat Tawaran Pelantikan oleh SPP.

Hadir sama Timbalan Pengerusi SPA Datuk Segarajah Ratnalingam, Timbalan Ketua Pengarah MAMPU Dr Azizi Razman Ismail, Pengarah Pendidikan Negeri Serina Sauni dan Pegawai Daerah Kanowit Katis Noel Nyabong.

Program turun padang itu bertujuan sebagai medium interaksi ketua-ketua jabatan dan penjawat awam bersama penduduk luar bandar khususnya di Kanowit bagi membantu masyarakat tempatan memperolehi maklumat

2 of 6 4/3/2015 9:42 AM

HOME 5

# Locals should fill vacancies in education sector

SPP and Ministry of Education meet regularly to ensure that vacancies especially for teachers are filled by locals. However, SPP also ensures those offered the posts are qualified so that Sarawak education quality is on a par with other states in the country.



# 24 terima darjah Panglima Setia Mahkota

**Putrajaya:** Dua Hakim Mahkamah Persekutuan, Datuk Seri Abu Samah Nordin dan Datuk Zainun Ali antara 1,524 penerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan Tahun 2015 sempena ulang tahun Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah, hari ini.

Abu Samah dan Zainun antara 24 penerima darjah kebesaran Panglima Setia Mahkota (PSM) yang membawa gelaran Tan Sri.

Antara penerima lain, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan, Datuk Farida Mohd Ali, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Dr Ong Hong Peng dan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Rebecca Fatima Sta Maria.

Turut dikurniakan PSM, Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, Datuk Haili Dolhan, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Ahmad Phesal Talib, Pengerusi UNITAB Medic Sdn Bhd, Tengku Abdullah Almarhum Sultan Abu Bakar, Ahli Lembaga Pengarah Bank Negara, Datuk Oh Siew Nam dan Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang, Datuk Zainal Dahalan.

Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Sime Darby Berhad, Datuk Seri Abd Wahab Maskan, Ketua Pegawai Eksekutif Jesselton Waterfront Holdings Sdn Bhd, Datuk Chu Sui Kiong, Pengasas NV Multi Corporation Bhd, Datuk Kong Hon Kong, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengasas Syarikat Phyto Science Sdn Bhd, Datuk Seri Lai Teck Peng dan Pengarah Urusan LBS Bina Holdings Sdn Bhd, Datuk Seri Lim Hock San.

Penerima PSM lain, Presiden dan Penasihat Kumpulan Syarikat BHL, Datuk Seri Lim Huah Leong, Pengerusi Eksekutif Malaysian Allied Health Sciences Academy Sdn., Bhd., (MAHSA), Datuk Prof Dr Mohamed Haniffa Abdullah.

Pengerusi Eksekutif A&M Realty Bhd, Datuk Ir Ng Boon Thong @ Ng Thian Hock, Penasihat Korporat KPJ Healthcare Bhd, Datin Paduka Siti Sa'diah Sh Bakir dan Pengarah See Hoy Chan Holdings Group, Datuk Dr Teo Chiang Liang.

Selain itu, PSM turut dianugerahkan kepada Panglima Tentera Udara, Jeneral Datuk Seri Roslan Saad, Ahli Biro Politik UMNO Pusat/Pengerusi Pusat Dagangan Dunia Putra, Datuk Seri Alies Anor Abdul, Naib Presiden MIC, Datuk Balakrishnan V Sinnayah dan Bendahari Agung MCA, Datuk Seri Kuan Peng Ching.

Sebanyak 52 individu dikurniakan anugerah Panglima Jasa Negara (PJN) yang membawa gelaran Datuk antaranya Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Singapura, Datuk Husni Zai Yaacob, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (PDRM), Datuk Seri Mortadza Nazarene.

Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (PDRM), Datuk Muhammad Fuad Abu Zarim, dan Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Datuk Prof Dr Noor Azlan Ghazali.



Zainun Ali




Farida Mohd Ali

Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja di dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) Lok Yim Pheng, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade), Datuk Dr Wong Lai Sum, Ketua Pengarah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Datuk Mhd (Mhd) Amin Nordin Abd Aziz.

Sebanyak empat individu dikurniakan anugerah Panglima Setia Diraja (PSD) yang turut membawa gelaran Datuk, antaranya ialah Setiausaha Bahagian Istiadat dan Urus setia Persidangan Antarabangsa Jabatan Perdana Menteri, Kamis Samin, Setiausaha Bahagian Audit Dalam, Jabatan Perdana Menteri, Mariam Kholidah Zulkifi.

Pakar Perunding Kanan Perubatan Hospital Sultanah Bahiyah, Kedah, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan dan Penolong Ketua Staf Perkhidmatan Anggota, Bahagian Perkhidmatan Anggota, Markas Angkatan Tentera, Kementerian Pertahanan, Mej Jen Datuk Azizan Md Delin.

Sebanyak 36 individu menerima anugerah Johan Mangku Negara (JMN), antaranya Pengarah Komponen Pertahanan Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (EssCOM), Mej Jen Datuk Masrani Paiman.



# King to confer 1,524 awards

**RECOGNITION:** Federal court judge heads list of recipients

A. AZIM IDRIS
PUTRAJAYA
news@nst.com.my

FEDERAL Court judge Datuk Seri Abu Samah Nordin heads a list of 1,524 recipients of federal awards and medals in conjunction with the birthday of Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah today.

He is among 24 recipients of the Panglima Setia Mahkota (PSM) award, which carries the title "Tan Sri".

Other PSM recipients include Health Ministry secretary-general Datuk Farida Mohd Ali, Education Services Commission chairman Datuk Dr Haili Dolhan, Tourism and Culture Ministry secretary-general Datuk Dr Ong Hong Peng, International Trade and Industry Ministry secretary-general Datuk Rebecca Fatima Sta Maria and Federal Coûrt judge Datuk Zainun Ali.

Kuala Lumpur Mayor Datuk Seri Haji Ahmad Phesal Talib and Air Force chief General Datuk Seri Roslan Saad are also recipients of the PSM.

Another 52 people will be bestowed the Panglima Jasa Negara (PJN), which carries the title Datuk.

They include Kuala Lumpur City Hall director-general Datuk Mohd Amin Nordin Abd Aziz, Works Department General Building Works senior director Datuk Professor Dr Amer Hamzah Mohd Yunus, Works Department director-general Datuk Annies Md Ariff and Malaysian High Commissioner to Singapore Datuk Husni Zai Yaacob.



***Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah** (second right) performing Friday prayers **at the National Mosque** in Kuala Lumpur yesterday.* Pic by Mohd Yusni Ariffin

The awards and medals will be given during an investiture ceremony at the Istana Negara today.

The four recipients of the Panglima Setia Diraja (PSD), which carries the title "Datuk", are Prime Minister's Department's Ceremonial Division and International Conference Secretariat's Kamis Samin, and its Internal Audit Division secretary Mariam Kholidah Zulkifli, Sultanah Bahiyah Hospital senior medical consultant Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan and Armed Forces Officer Services Division assistant chief of staff Major General Datuk Azizan Md Delin.

A total of 36 people will receive the Johan Mangku Negara (JMN), including Public Private Partnership Unit senior director Amirudin Abd Rahman, Tuanku Jaafar Hospital senior ophthalmology consultant Dr Bethel Indira Livingstone, Taiping Hospital Senior Consultant Dr G.R. Letchuman Ramanathan and Science, Technology and Innovation Ministry Senior secretary (Management) Kamel Mohamad.

Media Prima Bhd Television Networks chief executive officer Ahmad Izham Omar is among the 90 recipients of the Johan Setia Mahkota (JSM) award, while Istana Negara Ceremonial Division assistant grand chamberlain Azuan Effendy Zairakithnaini is the sole recipient of the Johan Setia Diraja (JSD).

Another 256 people will receive the Kesatria Mangku Negara (KMN), while three others will be awarded the Kesatria Setia Diraja (KSD).

Recipients totalling 411 will receive the Ahli Mangku Negara (AMN), 585 will receive the Pingat Pangkuan Negara (PPN) and 62 will receive the Bentara Setia Diraja (BSD).

16 NASIONAL Berita Harian RABU 30 SEPTEMBER 2015

# 5,000 graduan anak Sabah jadi pendidik

**Kota Kinabalu:** Lebih 5,000 graduan jurusan pendidikan dalam kalangan anak Sabah termasuk yang masih menganggur, akan dilantik sebagai guru, bagi memenuhi sasaran 90 peratus tenaga pengajar negeri ini diisi anak tempatan.

Pengarah Pendidikan Sabah, Datuk Jame Alip, berkata bagi mencapai matlamat itu pihaknya melaksanakan Program Pengumpulan Data Graduan Jurusan Pendidikan yang akan dilancarkan di Wisma Pendidikan di sini pada 6 Oktober ini.

Katanya, graduan jurusan pendidikan lepasan universiti awam (UA) dan institusi pengajian tinggi (IPT), termasuk yang masih menganggur atau belum mendapat lantikan sebagai guru, dialu-alukan untuk mendaftar.

"Graduan pendidikan sekitar Kota Kinabalu, Papar, Penampang dan Tuaran, boleh datang ke Wisma Pendidikan pada 6 Oktober ini mulai jam 9 pagi hingga 5 petang untuk mendaftar.

**Mendaftar**

"Bagi graduan pendidikan daerah lain, mereka boleh mendaftar di Pejabat Pendidikan Daerah masing-masing pada 7 hingga 9 Oktober ini.

"Kita meminta sesiapa yang datang mendaftar agar membawa bersama kad pengenalan, sijil lahir dan sijil akademik. Graduan universiti swasta atau luar negara perlu mengemukakan sijil pengiktirafan ijazah daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Baru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, mengumumkan Sabah dan Sarawak diberi mandat menambah jumlah guru dari kalangan anak tempatan di negeri masing-masing kepada 90 peratus daripada keseluruhan guru dalam tempoh tiga tahun akan datang.

> ***"Bagi graduan pendidikan daerah lain, mereka boleh** mendaftar di Pejabat Pendidikan Daerah masing-masing pada 7 hingga 9 Oktober ini"*
>
> ***Jame Alip,***
> *Pengarah Pendidikan Sabah*

Ia adalah di antara lapan perkara dipersetujui pada peringkat awal prinsip penurunan kuasa dalam hal pentadbiran kepada Sabah dan Sarawak yang dilaksanakan jabatan dan agensi Pusat.

Mengulas lanjut, Jame berkata, ketika ini jumlah guru bagi sekolah menengah di Sabah adalah 14,645 dengan 10,560 adalah guru dari Sabah, manakala selebihnya dari Sarawak, Labuan dan Semenanjung.

Bagi sekolah rendah, katanya, bilangan guru adalah 26,425 orang dengan 21,201 adalah dari Sabah.

"Semua data graduan yang mendaftar akan dihantar ke Bahagian Sumber Manusia Kementerian Pendidikan di Putrajaya, manakala sesi temu duga dijalankan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan.

"Calon yang berjaya akan dilantik terus menjadi guru. Kita harap pengambilan akan dilakukan selewat-lewatnya mulai tahun depan," katanya.

4 NEGARA KOSMO! RABU 30 SEPTEMBER 2015

# Agong kurnia Darjah Kebesaran, Bintang, Pingat kepada 131 penerima



TUANKU ABDUL HALIM (kanan) berkenan mengurniakan Darjah Panglima Setia Mahkota kepada Haili pada Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan di Istana Negara, Kuala Lumpur semalam.

KUALA LUMPUR – Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah semalam berkenan mengurniakan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan Tahun 2015 kepada 131 orang penerima.

Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajah Haminah turut berangkat ke istiadat itu di Istana Negara di sini bersempena ulang tahun keputeraan rasmi Seri Paduka yang disambut pada 6 Jun lalu.

Mendahului senarai penerima darjah kali ini ialah Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, Tan Sri Dr. Haili Dolhan yang menerima Darjah Panglima Setia Mahkota yang membawa gelaran Tan Sri.

Antara penerima lain darjah berkenaan termasuk Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang, Tan Sri Zainal Dahalan.

Seri Paduka turut mengurniakan darjah Panglima Jasa Negara yang membawa gelaran Datuk kepada 19 penerima termasuk Naib Presiden Bahagian Penjanaan, Tenaga Nasional Berhad, Datuk Zainudin Ibrahim.

Sejumlah 23 individu menerima Darjah Johan Mangku Negara, 49 penerima Darjah Johan Setia Mahkota dan 30 penerima Darjah Kesatria Mangku Negara. – Bernama

# PENGHARGAAN

# TOKOH GURU KEBANGSAAN 2015

YBhg. Tan Sri Dr. Haili bin Dolhan telah dilantik sebagai Pengerusi SPP mulai 26 November 2013. Sebagai Pengerusi, beliau telah diamanahkan untuk menguruskan proses pelantikan, pengesahan dalam perkhidmatan, kemasukan ke dalam perjawatan tetap atau berpencen, kenaikan pangkat dan kawalan tatatertib ke atas APP.

Dilahirkan pada 16 September 1952 di Kampung Hilir Sibu, Sarawak, anak kepada seorang guru ini telah memulakan alam persekolahan beliau di Sekolah Rendah Kebangsaan Merpati Jepang, Kuching, Sarawak. Beliau kemudiannya melanjutkan pengajian menengah di Sekolah Menengah Kerajaan Green Road.

YBhg. Tan Sri kemudiannya melanjutkan pelajaran ke Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim, Johor Bahru, Johor. Setelah tamat pengajian, beliau memulakan karier sebagai guru di Sekolah Menengah Tunku Abdul Rahman, Kuching, Sarawak pada 22 Jun 1970. Kecintaan beliau terhadap ilmu pengetahuan telah membawa beliau melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi sehingga memiliki Ijazah Sarjana Muda Kepujian Geografi dari Universiti Malaya, Ijazah Sarjana Bimbingan dan Kaunseling dari Universiti Durham, United Kingdom dan Doktor Falsafah Pendidikan Rancangan Sumber Manusia dari Universiti Birmingham, United Kingdom.

Perjalanan karier YBhg. Tan Sri selama 45 tahun dalam bidang pendidikan amat cemerlang. Beliau telah berkhidmat sebagai pendidik di sepuluh buah sekolah sekitar Sarawak dan kemudian turut diberi kepercayaan menyandang pelbagai jawatan penting di peringkat JPN Sarawak dan KPM. Antara jawatan-jawatan tersebut adalah sebagai Pegawai Pelajaran Bahagian, Timbalan Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan, Ketua Sektor Bahagian Pengurusan Sekolah, Timbalan Ketua Nazir Negeri dan Ketua Sektor Kurikulum Negeri. Sebelum bersara, beliau memegang jawatan sebagai Rektor IPGM yang bertanggungjawab dalam merancang, membangun dan menguruskan latihan serta pembangunan guru di IPGM seluruh negara. Beliau turut terlibat secara langsung dalam merangka Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025

YBhg. Tan Sri telah dikurniakan pelbagai pingat dan darjah kebesaran sebagai menghargai sumbangan dan jasa beliau di dalam sektor pendidikan Negara. Di antara pingat dan darjah kebesaran yang diterima adalah:

a) Pingat Ahli Mangku Negara (AMN) – 1997

b) Pingat Perkhidmatan Setia (PPS) – 2001

c) Pingat Pegawai Perkhidmatan Bakti (PPB) – 2003

d) Darjah Kebesaran Panglima Mahkota Wilayah (PMW) – 2010

e) Darjah Panglima Setia Mahkota (PSM) – 2015

YBhg. Tan Sri Dr. Haili bin Dolhan telah dianugerahkan Tokoh Guru Kebangsaan 2015 sempena sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan Ke-44 pada 16 Mei 2015. Anugerah ini adalah merupakan simbolik penghargaan kerajaan yang diberikan kepada beliau sebagai mengiktiraf jasa, pengorbanan, kewibawaan dan sumbangan beliau sepanjang 45 tahun berkhidmat di dalam bidang pendidikan.

*Sekalung tahniah dan syabas diucapkan daripada*

*Warga SPP*




صدق الله العظيم

# GLOSARI

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | AKP | - | Anggota Kumpulan Pelaksana |
| 2. | APP | - | Anggota Perkhidmatan Pendidikan |
| 3. | IPGM | - | Institut Pendidikan Guru Malaysia |
| 4. | ISMP | - | Ijazah Sarjana Muda Pendidikan |
| 5. | KPM | - | Kementerian Pendidikan Malaysia |
| 6. | KPT | - | Kementerian Pengajian Tinggi |
| 7. | KWSP | - | Kumpulan Wang Simpanan Pekerja |
| 8. | PBM | - | Pihak Berkuasa Melantik |
| 9. | PDP | - | Pengesahan Dalam Perkhidmatan |
| 10. | PISMP | - | Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan |
| 11. | PPP | - | Pegawai Perkhidmatan Pendidikan |
| 12. | PPPT | - | Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi |
| 13. | PTB | - | Pemberian Taraf Berpencen |
| 14. | PTP | - | Pelanjutan Tempoh Percubaan |
| 15. | SABK | - | Sekolah Agama Bantuan Kerajaan |
| 16. | SLTP | - | Skim Latihan Tenaga Pengajar |
| 17. | SPP | - | Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran |
| 18. | SPTD | - | Sistem Pemarkahan Temu Duga |
| 19. | TFM | - | Teach For Malaysia |
| 20. | UA | - | Universiti Awam |

# LAGU SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

# SPP PENERAJU MODAL INSAN

TEKAD, TEGAS DAN ADIL
EFISIEN DAN AMANAH
MENGAMBIL KIRA SEMUA
HASRAT PELANGGAN
TANPA MENGIRA BANGSA
TANPA MENGIRA MASA
KAMI TETAP BERKHIDMAT

DALAM MENCAPAI WAWASAN
KAMI PENTINGKAN KUALITI
DALAM TRANSFORMASI DAN MISI BESTARI
YANG TERBAIK JADI PILIHAN

BERSAMA MODAL INSAN CEMERLANG
HASRAT NEGARA DIDAHULUKAN
BERLANDASKAN KOD ETIKA
DENGAN HATI YANG SUCI

SPP DINAMIK, EFEKTIF DAN BERINTEGRITI
SPP PENERAJU MODAL INSAN
SEKTOR PENDIDIKAN

Komposer Lagu : Jenifer Matil
Penulis Lirik : Mohd Azam bin Sulong (Azam Dungun)



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN MALAYSIA
Aras 1-4, Block B3, Kompleks Jabatan Perdana Menteri
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62526 Putrajaya
Tel : 03 -8000 8000 (Pusat Panggilan 1 Malaysia)
Faks : 603-8871 7499

---

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN MALAYSIA
URUS SETIA CAWANGAN SARAWAK
Tingkat 4, Wisma Satria BDC
Lorong B, Jalan Stutong, 93350 Kuching, Sarawak
Tel : 082 - 4589955/ Faks : 082 - 459225

---

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN MALAYSIA
URUS SETIA CAWANGAN SABAH
Aras 1, Blok A, Kompleks Kerajaan Persekutuan Sabah
Peti Surat 11859, Jalan UMS-Likas
88450 Kota Kinabalu, Sabah
Tel : 088 - 488521/522/523/524
Faks : 088 - 488534